

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 16 MEI 2014 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Pantau impak cuaca kering	Harian Metro
2	Kabinet pantau cuaca kering	Utusan Malaysia
3	Jabatan Meteorologi pantau fenomena El Nino	Sinar Harian
4	Jawatankuasa khas hadapi fenomena El Nino	Kosmo
5	Jawatankuasa khas kabinet hadapi El Nino - Ongkili	Bernama.com
6	ASM pelawa lebih banyak saintis muda sertai program anjurannya	Bernama.com
7	BiotechCorp terajui usaha majukan industry berasaskan bio di wilayah utara	Bernama.com
8	Trade Link yakin jana jualan RM350juta	Harian Metro

PERSIAPAN HADAPI EL NINO

Pantau **impak** cuaca kering

Oleh Hayati Ibrahim
ya_t@hmetro.com.my
Putrajaya

Jawatankuasa Khas Kabinet ditubuhkan kelmarin bagi menangani krisis air serta impak cuaca kering dan fenomena El Nino yang diramal melanda negara.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Datuk Dr Maximus Ongkili berkata, jawatankuasa itu akan dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin manakala Kementerian sebagai sekretariat dan dianggotai Kementerian Kesihatan; Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi; Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar; Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani; Kementerian Komunikasi dan Multimedia; Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi; Kementerian Kewangan serta Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Antara tanggungjawab jawatankuasa ini adalah memantau impak cuaca kering daripada pelbagai aspek termasuk perubahan iklim, kesihatan dan pertanian, justeru jawatankuasa ini akan mengambil alih peranan Jawatanku-

asa Krisis Air yang ditubuhkan KeTTHA sebelum ini.

"Pada awalnya, Jawatankuasa Krisis Air ditubuhkan berikutan cuaca panas dan kering dari Januari hingga Mac, sehingga menjejaskan bekalan air di beberapa negeri seperti Johor, Negeri Sembilan, Perak, Selangor dan Kuala Lumpur dan pelan catuan air dilaksanakan," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Dr Maximus berkata, pengagihan air secara berjadual itu dijalankan untuk memanjangkan tempoh hayat simpanan air mentah di negeri itu.

Namun, menurutnya, catuan air itu dihentikan mulai 1 Mei kerana cuaca hujan mulai April lalu meningkatkan simpanan air mentah di lembangan sungai dan empangan terbabit.

Bagaimanapun, katanya, baru-baru ini Jabatan Meteorologi Malaysia meramalkan negara dijangka mengalami monsun barat daya iaitu musim kering pada Jun sehingga September 2014.

"Kementerian mengambil kira ramalan Pertubuhan Meteorologi Dunia (WMO) yang menya-

takan fenomena El Nino berkemungkinan berlaku pertengahan tahun ini dan boleh berlanjutan antara enam hingga 18 bulan akan memburukkan lagi keadaan bekalan air negara sekiranya langkah persediaan tidak diambil bagi menghadapinya, terutama di Selangor dan Kuala Lumpur.

"Jadi, penubuhan Jawatankuasa Khas Kabinet ini akan membolehkan pemantauan dan pelaksanaan langkah mitigasi di yang lebih menyeluruh di peringkat nasional bagi mempersiapkan negara untuk berdepan dengan fenomena El Nino ke atas semua sektor ekonomi dan sosial yang menggunakan air," katanya.

Pada masa sama, Kementerian juga meminta semua kerajaan negeri mengambil langkah segera bagi memastikan simpanan air mentah mencukupi dan menjaga sumber air masing-masing bagi mengelakkan masalah bekalan air terawat kepada pengguna tidak cukup.

Dr Maximus berkata, pengguna domestik dan industri juga perlu sentiasa menjimat air, dengan mengamalkan penggunaan air secara berhemat ketika pengagihan air secara berjadual yang dilaksanakan selama dua bulan di Selangor, Kuala Lumpur dan beberapa negeri lain.

FAKTA
Ditubuh
kelmarin
dipengerusikan
TPM

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 25
TARIKH : 16 MEI 2014 (JUMAAT)

Jemaah Menteri tubuh jawatankuasa khas ekoran fenomena El-Nino

Kabinet pantau cuaca kering

oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
engarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 15 Mei - Mesyuarat Jemaah Menteri semalam membuat keputusan menubuhkan jawatankuasa khas peringkat nasional bagi menangani masalah air dan impak cuaca kering kesan fenomena El-Nino yang dijangka melanda negara pada Jun ini.

Menteri Tenaga, Teknologi, Hi-u dan Air, Datuk Seri Dr. Maximus Ongkili berkata, jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin itu akan bertindak memantau

impak cuaca kering daripada pelbagai aspek termasuk perubahan iklim, kesihatan dan pertanian.

"Penubuhan jawatankuasa khas Kabinet ini akan membolehkan pemantauan dan pelaksanaan langkah-langkah mitigasi di peringkat nasional secara menyeluruh sebagai persiapan menghadapi El-Nino.

"Kementerian akan bertindak sebagai sekretariat yang mana jawatankuasa itu turut disertai pegawai daripada Kementerian Kesihatan; Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi; Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani; Kementerian Komunikasi dan Multimedia; Kement-

terian Perusahaan, Peladangan dan Komoditi; Kementerian Kewangan dan Majlis Keselamatan Negara," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Maximus berkata, jawatankuasa khas itu akan mengambil alih peranan Jawatankuasa Krisis Air yang telah ditubuhkan sebelum ini ekoran cuaca panas dan kering yang berlaku selama tiga bulan sejak Januari lalu.

Katanya, walaupun catuan telah dihentikan pada 1 Mei lalu namun berdasarkan ramalan Pertubuhan Meteorologi Dunia (WMO), fenomena El-Nino berkemungkinan berlaku bermula Jun dan berlarutan

sehingga September ini.

"Sekiranya langkah-langkah persediaan tidak diambil khususnya di Selangor dan Kuala Lumpur, kemungkinan krisis air bakal berulang," katanya.

Sehubungan itu, Maximus meminta semua kerajaan negeri mengambil langkah segera bagi memastikan simpanan air mentah mencukupi dan menjaga sumber air masing-masing sebagai persediaan menghadapi masalah bekalan air



MAXIMUS ONGKILI

pada masa akan datang.

Tambahnya, para pengguna domestik dan industri digesa sentiasa menjimatkan air dengan menggunakan secara berhemat seperti dilakukan pada dua bulan lalu menerusi catuan air secara berjadual.

"Pihak industri pula disarankan untuk mengambil langkah alternatif seperti menggunakan air bawah tanah, mengitar semula air dan meningkatkan kapasiti simpanan air," katanya.


Jabatan Meteorologi pantau fenomena El Nino

■ SITI FATIAH AWANG

KOTA BHARU — Jabatan Meteorologi akan memantau rapi fenomena El Nino yang dikatakan akan melanda negara kesan daripada Monsun Barat Daya bermula awal Mei sehingga September tahun ini.

Pengarah Jabatan Meteorologi Kelantan\Terengganu, Jenuwa Husin memberitahu, menurut kenyataan dikeluarkan Pertubuhan Meteorologi Sedunia (WMO) pertengahan April lalu, fenomena tersebut mungkin melanda dunia sekitar pertengahan tahun ini.

"Menurut WMO, masih terlalu awal menentukan kekuatan El Nino yang mana tempoh hayatnya boleh berlanjutan enam ke 18 bulan.



Jenuwa menerangkan mengenai fenomena El Nino yang akan melanda negara.

"Kesan El Nino kepada negara secara umumnya boleh menyebabkan jumlah hujan berkurangan, terutamanya

di Sabah dan Sarawak, tetapi keadaan ini akan bergantung pada kekuatan El Nino itu sendiri. MetMalaysia akan me-

mantau rapi situasi ini dari semasa ke semasa," katanya.

Menurutnya, Monsun Barat Daya bermula di Malaysia pada 15 Mei lalu dan dijangka berterusan sehingga September ini yang secara amnya monsun itu merupakan musim kering bagi negara ini.

Beliau berkata, dalam tempoh ini negara tidak akan mengalami hujan tetapi ia tetap boleh berlaku pada waktu pagi terutamanya di kawasan pantai negeri-negeri pantai barat Semenanjung Malaysia.

"Jangkaan hujan untuk monsun barat daya ini, kurang daripada paras normal pada bulan Jun untuk semua negeri dan kembali ke paras normal dari Julai hingga September, kecuali Sarawak," katanya.

**KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA): MUKA SURAT 3
TARIKH: 16 MEI 2014 (JUMAAT)**

Jawatankuasa khas hadapi fenomena El Nino

KUALA LUMPUR - Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas Kabinet untuk menghadapi fenomena El Nino yang diramal melanda negara pada pertengahan tahun ini bagi memantau impak cuaca kering akibat fenomena itu daripada pelbagai aspek termasuk perubahan iklim, kesihatan dan pertanian.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johny Ongkili berkata, jawatankuasa itu akan dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Mu-

yiddin Yassin dan ia mengambil alih peranan Jawatankuasa Krisis Air yang ditubuhkan pada bulan Januari hingga Mac lalu.

Menurutnya, tujuan penubuhan jawatankuasa itu adalah untuk membolehkan pemantauan dan pelaksanaan langkah-langkah persediaan pada peringkat nasional dibuat secara menyeluruh bagi menghadapi fenomena



KERATAN Kosmo! 5 Mei 2014.

El Nino.

"Malaysia dijangka mengalami musim Monsun Barat Daya iaitu musim kering bermula pada bulan Jun sehingga September ini, manakala fenomena El Nino diramal berlaku pada pertengahan tahun ini dan ia akan berlanjutan antara

enam hingga 18 bulan.

"Keadaan mungkin bertambah buruk jika tiada sebarang langkah persediaan

diambil untuk menghadapi fenomena tersebut khususnya bagi Selangor dan Kuala Lumpur yang terjejas teruk semasa krisis bekalan air yang berlaku baru-baru ini akibat daripada kekurangan simpanan air mentah," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Sebelum ini, Jawatankuasa Krisis Air ditubuhkan selepas bekalan air terjejas di beberapa buah negeri seperti di Johor, Negeri Sembilan, Perak, Selangor dan Kuala Lumpur akibat cuaca panas dan kering pada Januari hingga Mac lalu.



Jawatankuasa Khas Kabinet Hadapi El Nino - Ongkili

PUTRAJAYA, 15 Mei (Bernama) -- Satu jawatankuasa khas Kabinet ditubuhkan bagi menghadapi cuaca kering dan fenomena El Nino yang dijangka melanda negara ini, kata Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) Datuk Seri Dr Maximus Ongkili Khamis.

Beliau berkata kabinet semalam memutuskan untuk menubuhkan jawatankuasa yang akan dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dengan KeTTHA sebagai sekretariat.

"Jawatankuasa Khas Kabinet ini akan memantau impak cuaca kering daripada berbagai aspek termasuk perubahan iklim, kesihatan dan pertanian.

"Selain itu, penubuhan jawatankuasa akan membolehkan pemantauan dan pelaksanaan langkah-langkah mitigasi di peringkat nasional yang lebih menyeluruh bagi menyiapkan negara untuk berdepan dengan fenomena El Nino ke atas semua sektor ekonomi dan sosial yang menggunakan air," katanya dalam satu kenyataan di sini Khamis.

Ongkili berkata anggota jawatankuasa itu adalah seperti Kementerian Kesihatan, [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi](#), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Kementerian Kewangan serta Majlis Keselamatan Negara.

Ongkili berkata jawatankuasa khas kabinet itu akan mengambil alih peranan Jawatankuasa Krisis Air yang telah ditubuhkan oleh KeTTHA dengan Timbalan Menteri KeTTHA sebagai pengerusinya berikutan cuaca panas dan kering dari bulan Januari hingga Mac lalu sehingga berlakunya catuan air.

"Catuan air ini telahpun dihentikan mulai 1 Mei 2014 kerana hujan yang turun mulai bulan April yang lalu telah sedikit sebanyak meningkatkan simpanan air mentah di lembangan sungai dan empangan," katanya.

Ongkili berkata baru-baru ini [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) telah membuat ramalan bahawa negara dijangka mengalami Monsun Barat Daya iaitu musim kering pada bulan Jun sehingga September tahun ini.

Selain itu, ramalan Pertubuhan Meteorologi Dunia (WMO) bahawa fenomena El Nino berkemungkinan berlaku pertengahan tahun ini yang boleh berlanjutan antara enam hingga 18 bulan akan lebih memburukkan keadaan bekalan air negara khususnya bagi negeri Selangor dan Kuala Lumpur yang paling teruk terjejas semasa cuaca kering yang lalu akibat kekurangan simpanan air mentah.

Dalam pada itu, Ongkili meminta semua kerajaan negeri mengambil langkah-langkah segera bagi memastikan simpanan air mentah mencukupi dan menjaga sumber air masing-masing bagi mengelakkan masalah ketidakcukupan bekalan air terawat kepada para pengguna.

Ongkili menyarankan para pengguna domestik dan industri supaya sentiasa menggunakan air secara berhemat selain itu, pihak industri perlu mengambil langkah-langkah alternatif yang boleh mengurangkan impak krisis air seperti menggunakan air bawah tanah, mengitar semula air, menggunakan kelengkapan cekap air dan meningkatkan kapasiti tangki simpanan air.

"Apabila semua pihak memberikan kerjasama sepenuhnya dan memainkan peranan masing-masing, saya pasti simpanan air mentah boleh bertahan lebih lama dan kita dapat mengurangkan impak Monsun Barat Daya dan El Nino.

"Langkah-langkah yang akan diambil oleh Jawatankuasa Khas Kabinet ini juga memerlukan kerjasama semua pihak supaya bebanan impak dan kesan cuaca kering ini ke atas rakyat di seluruh negara dapat dikurangkan ke kadar minima," katanya.

--BERNAMA



ASM Pelawa Lebih Banyak Saintis Muda Sertai Program Anjurannya

KUALA LUMPUR, 15 Mei (Bernama) -- [Akademi Sains Malaysia \(ASM\)](#) menggesa semua universiti mendaftarkan saintis terkemuka masing-masing untuk menyertai programnya.

[Presidennya Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali](#) berkata ASM menawarkan tiga program berprestij bagi saintis muda tempatan untuk meningkatkan pengetahuan mereka iaitu Lindau Nobel Laureate Meeting, IIASA Young Scientists Summer Programme dan CREN Summer Student Programme.

"ASM berpendapat penyertaan Malaysia dalam program ini merupakan langkah yang amat baik ke arah memajukan saintis muda kita dengan memberi peluang kepada mereka menambah ilmu dan meningkatkan interaksi dengan rakan setara mereka serta saintis dari seluruh dunia.

"Untuk menjadi yang terbaik, kita perlu bergaul dengan yang terbaik juga," katanya selepas mengumumkan nama tiga saintis muda Malaysia yang akan menyertai Lindau Nobel Laureate Meeting.

Dr Chau De Ming dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Jaslyn Soo Sian Siu dari Cancer Research Initiatives Foundation (CARIF) dan Ng Kim Tien dari Universiti Malaya (UM) disenaraikan untuk menyertai pertemuan itu dari 29 Jun hingga 4 Julai.

Program Lindau merupakan pertemuan berprestij di Lindau, Jerman, yang menawarkan kepada penyelidik muda peluang unik untuk menyertai pertemuan tidak formal dengan beberapa saintis yang telah memenangi hadiah Nobel.

Mereka dipilih daripada kalangan yang terbaik dari institusi dan yayasan akademik terbaik dari seluruh dunia.

Sementara itu, CREN Summer Student Programme di Geneva pula memberi peluang kepada pelajar dalam jurusan fizik untuk membuat penyelidikan dalam bidang komputer atau mengikuti program latihan bersama saintis atau jurutera lain yang membuat penemuan luar biasa.

IIASA adalah sebuah institut saintifik antarabangsa yang menjalankan penyelidikan berasaskan dasar seperti tenaga dan perubahan iklim, makanan dan air dan kemiskinan.

Dr Ahmad Tajuddin berkata matlamat utama akademi itu ialah untuk menyediakan platform bagi meningkatkan kedudukan saintis tempatan.

"Satu daripada peranan ASM ialah untuk menjadi gerbang antarabangsa bagi komuniti saintifik Malaysia untuk menyertai komuniti saintifik global.

"Ia merupakan peluang untuk berkongsi ilmu, membina kepakaran dan meningkatkan keupayaan serta kemampuan dalam bidang sains, teknologi dan inovasi," katanya.



Biotechcorp Terajui Usaha Majukan Industri Berasaskan Bio Di Wilayah Utara

KUALA LUMPUR, 15 Mei (Bernama) -- [Malaysian Biotechnology Corp Sdn Bhd \(BiotechCorp\)](#) hari ini menganjurkan Perkongsian Bio 2014 (Siri Utara) di Kedah, yang juga menyaksikan beberapa kerjasama terjalin untuk mempercepat pembangunan bioekonomi bagi wilayah itu.

Kerjasama pertama melibatkan pertukaran cadangan kerjasama antara BiotechCorp dan Kedah BioResources Corporation (KBioCorp) mengenai penubuhan sebuah BioShoppe di Kedah.

Kerjasama kedua ialah antara BioTechCorp dan Ninamaju mengenai pengeluaran minyak dedak padi dan perahan halia.

Acara itu juga menyaksikan pertukaran simbolik biobaja antara Microwell dan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) bagi projek pemulihan sawah di Kedah dan Perlis.

Dalam satu kenyataan di sini Khamis, [Ketua Eksekutif BiotechCorp, Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal](#), berkata: "Program Rakan kongsi BioNexus (BNP) ialah sebuah portfolio sumber unik yang membolehkan para saintis dan usahawan bioteknologi meraih manfaat daripada akses kepada kemudahan-kemudahan penyelidikan berkongsi yang canggih, prasarana dan keupayaan dari institusi pengajian tinggi, institut penyelidikan, taman teknologi, inkubator dan syarikat berkaitan kerajaan.

"Kita perlu menyediakan rangsangan dan platform bagi inovasi berkembang maju. Kita mungkin ada saintis dan usahawan terbaik, tetapi jika kita tidak menyediakan peluang bagi mereka mengembangkan ide mereka dan membina budaya membawa sains kepada perniagaan, kita tidak akan berjaya."

Mohd Nazlee berkata acara itu juga bertujuan meningkatkan kesedaran tentang status BioNexus dan insentif-insentif yang berkaitan dengannya, produk dan perkhidmatan syarikat BioNexus, serta keupayaan dan kemampuan penyelidikan yang ada di wilayah utara, yang ditawarkan oleh makmal dan unit BNP untuk memenuhi keperluan industri untuk meningkatkan keupayaan memasarkan produk-produk mereka.

"Pendapatan sebanyak hampir RM800 juta telah dijana dari 2009 hingga 2012 oleh syarikat berstatus BioNexus yang menggunakan makmal dan unit BNP. Inisiatif-inisiatif begini menjadi tulang belakang kepada bioekonomi Malaysia," tegas beliau.

Persidangan bertema "Generating Biotechnology-based Economy (Menjana Ekonomi Berasaskan Bioteknologi)", diadakan dengan kerjasama antara kerajaan negeri Kedah dan BiotechCorp, makmal-makmal BNP, Kulim Technology Park Corporation, KBioCorp, Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Perlis serta Lembaga Pelaksanaan Koridor Utara.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (BISNES) : MUKA SURAT 66
TARIKH: 16 MEI 2014 (JUMAAT)



ALBERT (dua dari kiri) pada majlis sidang media Metaltech 2014

Kuala Lumpur: Trade Link ITE Sdn Bhd (Trade Link) optimis penganjuran Pameran Peralatan Mesin dan Teknologi Kerja Logam Antarabangsa Asia Tenggara (Metaltech) kali ke-20 mampu menjana jualan RM350 juta pada tahun ini berbanding RM250 juta tahun lalu meskipun keadaan pasaran jentera dilihat menurun pada separuh pertama 2014.

Pengarah Urusannya, Datuk Albert Lai berkata, syarikat turut yakin acara itu akan menjana transaksi bernilai RM200 juta melalui urusan perjanjian jual beli dan jualan selepas acara iaitu sebanyak RM1 bilion bagi sepanjang tahun ini.

"Saya yakin sasaran itu mampu dicapai meman-

dangkan kami turut membentuk gabungan strategik dengan penganjur pameran antarabangsa ITE Group PLC (ITE) untuk menarik lebih banyak penyertaan dalam kalangan syarikat dan pengunjung dari luar negara," katanya pada majlis sidang media Metaltech 2014 di sini, baru-baru ini.

Pameran yang akan berlangsung selama tiga hari pada 21 hingga 24 Mei itu dijangka menghimpunkan lebih 1,800 pembekal kerja logam dan alatan mesin teknologi daripada 37 negara dengan enam negara iaitu Austria, China, Jerman, Korea, Singapura dan Taiwan akan mewujudkan astaka bagi mempamerkan teknologi kolektif masing-masing.

Acara tahunan itu dijangka

menggamit kehadiran 25,000 usahawan daripada pelbagai industri terutama aero angkasa, automotif, laut/ luar pesisir, kerja logam, tenaga, elektrik dan eletronik serta perubatan.

Ketika diminta mengulas mengenai kerjasama dengan ITE, Albert berkata perkara itu dilihat sebagai sinergi baik kerana ia memberi ruang kepada syarikat untuk menerokai pasaran Eropah dengan sasaran lokasi seperti di Rusia dan sekitar Eropah.

"Kami selaku syarikat penganjur pameran terkemuka di Asia Tenggara merancang untuk menerokai pasaran di Indonesia dan beberapa negara jiran lain seperti Myanmar dan Kemboja dalam tempoh tiga tahun akan datang," katanya.